



ڦڪاواي كاواغن نكري ترغكانو
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI TERENGGANU

Ruj Kami : PERB.TR.U/16/01/01/5 - (26)
Bertarikh : 30 Mac 2021
Bersamaan : 16 Syaaban 1442

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Negeri Terengganu

Tuan,

**PEMATUHAN KEPADA PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL 3 TAHUN
2021 - PUNGUTAN WANG AWAM**

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat kami rujukan PERB.TR.U/16/01/01/5 – (15) yang bertarikh 03 Mac 2021 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) pada 01 April 2021, pihak tuan dikehendaki mematuhi sepenuhnya **para 3.5 mengenai Pungutan Wang Awam, Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2021**, iaitu pungutan yang diterima pada **31 Mac 2021 selepas jam 2.00 petang sehingga 10 April 2021** hendaklah dikeluarkan resit secara manual (Kew 38) atau resit yang dijana melalui sistem selain SPEKS dan menyediakan Penyata Pemungut secara manual untuk dibankkan.

3. Semua Pegawai Pengawal perlu mematuhi sepenuhnya Surat Pekeliling tersebut dan adalah diingatkan bahawa tidak mengetahui peraturan yang sedang berkuatkuasa bukan alasan untuk tidak diambil tindakan keatas pegawai dan kakitangan yang telah menyebabkan berlakunya kesilapan atau kesalahan.

Sekian, terima kasih

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA “
“ PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI SAMIUN BIN SALLEH)

s.k. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
Bendahari Negeri



09-6276269

muruaida@terengganu.gov.my